



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (32)

Tarikh : 15 Mac 2017

SIARAN MEDIA

**Geran Tahunan Bagi Membantu PBT Pulau Pinang Membiayai
Belanja Mengurus**

Batu Maung, 15 Mac 2017 – YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyerahkan Geran Tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Pulau Pinang pada pagi ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) memperuntukkan RM 10,000,000.00 bagi tahun 2017 untuk membayar Geran Tahunan kepada semua 2 PBT dalam negeri Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

3. Jumlah yang diserahkan pada hari ini adalah 70% daripada Geran Tahunan yang diperuntukkan kepada PBT negeri Pulau Pinang. Baki tuntutan ini akan dibayar setelah tuntutan dari PBT berserta bukti akaun tahun sebelumnya telah diaudit diterima oleh JKT.

4. Sumbangan Geran Tahunan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PBT ialah untuk membantu PBT membiayai belanja mengurus masing-masing. Sumbangan kepada PBT negeri Pulau Pinang bagi tahun 2016 dan 2017 ialah seperti berikut:

Tahun	Geran Tahunan (GT)	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	Pembangunan Projek Kecil (BP1)	Bantuan Bil Elektrik
2016	RM 10,000,000.00	RM8,145,179.62	RM 4,944,228.70	RM 6,753,032.00
2017	RM 10,000,000.00	RM8,494,107.80	RM 4,000,000.00	Belum di tuntutan oleh PBT

5. Selain daripada Geran Tahunan, KPKT melalui JKT juga menyalurkan peruntukan lain kepada PBT iaitu Sumbangan Membantu Kadar (SMK), Peruntukan Pembangunan Projek Kecil Kerajaan (BP1) dan Bantuan 50 % bayaran bil Elektrik PBT.

6. Geran Tahunan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri dan PBT berdasarkan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa *Parlimen boleh melalui*

undang-undang membuat pemberian bagi maksud tertentu kepada mana-mana negeri atas apa-apa terma dan syarat yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang itu.

7. Pengiraan Geran Tahunan adalah berdasarkan formula yang mengambil kira beberapa aspek tertentu seperti bilangan penduduk, taraf PBT berkenaan (samada Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah) dan sebagainya dengan siling maksima 5 juta ringgit bagi satu PBT.

8. Pihak Kerajaan juga memutuskan PBT perlu mengemukakan Cadangan Perbelanjaan bagi pemberian Geran Tahunan tersebut dan turut mengemukakan Penyata Kewangan yang membuktikan mereka telah menyiapkan dan mengemukakan akaun masing-masing untuk diaudit mengikut kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebelum Geran Tahunan disalur kepada PBT berkenaan.

9. Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 25 Ogos 2009 bersetuju supaya pemberian Geran Tahunan ini di panjangkan ke negeri Sabah dan Sarawak berkuat kuasa mulai tahun 2010. Pemberian Geran Tahunan bagi tahun 2017 melibatkan peruntukan sebanyak RM302,228,760.22 yang melibatkan semua 148 PBT di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak kecuali PBT di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

10. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya 1 Mac 2006 telah bersetuju supaya Geran Tahunan diberi kepada PBT bermula dari tahun 2006 yang pada waktu itu melibatkan 96 PBT disemenanjung dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 236,432,515.00 setahun.

Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada PBT bagi tahun 2016 dan 2017

Tahun	Geran Tahunan (GT)	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	Pembangunan Projek Kecil (BP1)	Bantuan Bil Elektrik
2016	RM 302,228,760.22	RM 226,199,900	RM 392,700,000	RM131,198,775.01
2017	RM 302,228,760.22	RM 300,000,000	RM 336,130,000	RM130,000,000.00

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my